

TARIKH: 2/6/23  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 16

## Tunggu keputusan isu pekerja asing

**Petaling Jaya:** Isu kekurangan pengambilan pekerja asing masih dalam perbincangan sama ada mahu diteruskan atau ditangguhkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud berkata, Kabinet akan bermesyuarat untuk meneruskan pengambilan pekerja asing yang masih tidak mencukupi kuota.

"Isu ini masih dalam perbincangan dan kami menunggu keputusan Kabinet.

"Kami juga tidak boleh berbuat apa-apa selagi mereka tidak memberi keputusan sebulat suara," katanya di Majlis Pelancaran Program Saringan Kesihatan Perkeso 3.0, di sini, semalam.

Terdahulu Harian Metro melaporkan, Dewan Rakyat diberitahu sehingga 14 Mac lalu sebanyak 995,396 kuo-



*Kami juga tidak boleh berbuat apa-apa selagi mereka tidak memberi keputusan sebulat suara"*

**Mustapha**

ta pekerja asing diluluskan Kementerian Sumber Manusia.

Majikan diberikan sehingga 18 bulan bagi urusan membawa masuk pekerja asing ke Malaysia selepas membuat pembayaran levi.

Mustapha berkata, pertimbangan ini diberikan bagi membantu majikan untuk menguruskan ke-masukan pekerja asing dalam tempoh yang mencukupi.



MUSTAPHA (dua dari kiri) ketika melawat pusat saringan kesihatan, semalam.

*Harian Metro: Lokal ms 16 2/6/23*